

## INTERPRETASI HUBUNGAN PEMBELAJARAN TERARAH KENDIRI DENGAN KEBOLEHCAPAIAN KOGNITIF BERASASKAN FAHAMAN KONSTRUKTIVIS

### INTERPRETATION OF RELATIONSHIP BETWEEN SELF GUIDED LEARNING AND COGNITIVE PERFORMANCE BASED ON CONSTRUCTIVIST

Adenan Ayob<sup>1</sup>  
Nazri Abu Bakar<sup>2</sup>

<sup>1</sup>adenansamsung@gmail.com

**Accepted Date:** 25 March 2018

**Published Date:** 15 April 2018

**To Cite This Document:** Ayob, A., & Bakar, N. A. (2018). Interpretasi Hubungan Pembelajaran Terarah Kendiri Dengan Kebolehcapaian Kognitif Berasaskan Fahaman Konstruktivis. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3(10), 75-87.

---

**Abstrak:** Penyelidikan ini dilakukan bertujuan menghubungkan pembelajaran terarah sendiri dengan kebolehcapaian kognitif berasaskan pendekatan konstruktivisme. Pembelajaran terarah sendiri memperlihatkan aspek motivasi yang menjadi penggerak bagi murid untuk bertindak aktif dalam pembelajaran. Unsur kebolehcapaian kognitif pula memanipulasikan tindakan murid untuk membina pengetahuan dalam proses pembelajaran penulisan karangan. Pembelajaran terarah sendiri diklasifikasikan kepada lima elemen utama yang menjadi pencetus rangsangan untuk murid berfikir dalam penulisan karangan fakta. Ini termasuk penerapan tanggungjawab dan motivasi; persepsi terhadap guru; faktor persekitaran; sokongan dan ganjaran. Kajian yang dilakukan ini adalah berbentuk deskriptif dan inferensi yang menggunakan reka bentuk kuantitatif. Kaedah tinjauan berasaskan soal selidik adalah menerusi edaran kepada sampel kajian, iaitu 30 orang guru. Data dianalisis dengan menggunakan Kolerasi Pearson untuk mengenal pasti hubungan gaya pembelajaran terarah sendiri dengan kebolehcapaian kognitif. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif antara pembelajaran terarah sendiri dengan kebolehcapaian kognitif berasaskan pendekatan konstruktivisme. Dapatan kajian ini juga membuktikan bahawa pembelajaran terarah sendiri dan aspek kebolehcapaian kognitif perlu diberikan tumpuan dan penegasan oleh guru Bahasa Melayu dalam mengajarkan penulisan karangan fakta dengan berasaskan pendekatan konstruktivisme. Dicapadangkan supaya pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dan guru yang mengajarkan mata pelajaran Bahasa Melayu mengaplikasikan gaya terarah sendiri dan kebolehcapaian kognitif berasaskan pendekatan konstruktivisme dalam penulisan karangan fakta. Tujuan dan aspirasinya adalah untuk memenuhi matlamat pendidikan pada alaf yang ke-21 ini.

**Kata kunci:** Interpretasi, konstruktivisme, Pembelajaran terarah sendiri, Kebolehcapaian kognitif.

**Abstract:** *This study aims to review student's achievement in writing an essay in Malay using the constructivist approach. This study was carried out by self-directed learning style connects with cognitive abilities which become an important element in the constructivist approach. Self-directed learning style shows motivation that drives the students to act active in the learning process. The element also affect the cognitive abilities of the students to build knowledge in the learning process. Self-directed learning aspect has been classified into five key elements that become the driving force for them to learn to master the writing skills and knowledge of the language. It also apply the element of responsibility and motivation; perception of teachers; environmental factors; support and reward; and styles of teaching and learning. The study conducted is descriptive with quantitative design. The survey method was used using an instrument of questionnaire to a sample of 30 teachers. Data is analysed using Pearson Correlation to find that whether there is a significant relationship between self-directed learning and cognitive abilities through the constructivist approach. The finding shows that there is a significant relationship between self-directed learning and cognitive abilities through the constructivist approach. The findings prove self-directed learning and cognitive aspects need to be given attention and affirmation by all Malay Language teachers in teaching essay writing. Furthermore, constructivism approach for improving students' writing in the process of thinking. The both finding give implication to focus about the changing in self-directed learning and cognitive abilities to student through the constructivist approach. It is hoped that this study can be adopted by the Malaysia Ministry of Education and all teachers who teaches Bahasa Melayu to apply the constructivist approach in essay writing to strengthen and meet the educational goals of the 21<sup>st</sup> century.*

**Keywords:** Interpretation, Constructivisme, Self-guided learning, Cognitive performance.

---

### **Latar Belakang Kajian**

Proses pelaksanaan transformasi pendidikan perlu kepada konteks pedagogi baharu supaya dapat membantu setiap murid memiliki dan menguasai kemahiran belajar yang diperlukan pada abad ke-21 ini. Oleh hal yang demikian, transformasi pendidikan bukan sekadar menambahkan bilangan kakitangan dan kemudahan, tetapi perlu menjurus kepada usaha ke arah memahami dan menambah baik proses pengajaran dan pembelajaran (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2013-2025). Kemahiran pengajaran dan pembelajaran (PdP) pada abad ke-21 merujuk beberapa kompetensi teras iaitu kolaboratif, celik digital, kemahiran berfikir dan penyelesaian masalah. Abtar Kaur (2001) menjelaskan pembelajaran pada abad ke-21 sebagai satu bentuk keperluan untuk pelajar menguasai isi kandungan, selain menghasil, mensintesis penyatuan atau penggabungan. Keperluan lain ialah menilai maklumat daripada pelbagai mata pelajaran dan sumber yang luas dengan memahami dan menghormati budaya murid yang berbeza.

Dalam konteks taksonomi alaf baharu, murid perlu terlibat dengan proses mencipta, berkomunikasi, bekerjasama dan celik digital. Selain itu, mempunyai prinsip kenal diri. Murid juga perlu disediakan dengan kemahiran menangani cabaran dunia pendidikan yang terdedah

kepada pelbagai interpretasi dan kontroversi yang mencabar pemikiran individu. Semua mata pelajaran perlu menekankan ciri pengajaran dan pembelajaran abad ke-21, termasuk mata pelajaran Bahasa Melayu. Dasar Pendidikan Kebangsaan yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1996, Bahasa Melayu ialah mata pelajaran teras dan berperanan sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa perpaduan rakyat Malaysia.

Kurikulum Bahasa Melayu sekolah menengah bertujuan memenuhi hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang bermatlamat melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, emosi, rohani dan jasmani. Kurikulum Bahasa Melayu menyediakan murid untuk menguasai kecekapan berbahasa dan berkomunikasi dengan menggunakan peraturan tatabahasa secara betul dan tepat. Murid mampu mengungkapkan bidang ilmu daripada pelbagai disiplin atau mata pelajaran, di samping mengembangkan kemahiran berfikir (Pusat Pembangunan Kurikulum, 2001).

Bagi memenuhi matlamat pendidikan abad ke-21, transformasi dalam sistem pendidikan telah memfokuskan perubahan dalam bidang pengajaran dan pembelajaran (Madinah Mohamad, 2014). Oleh hal yang demikian, salah satu pendekatan yang dicadangkan dalam pendidikan abad ke-21 ini ialah pendekatan konstruktivisme, selain pembelajaran koperatif, penyelesaian masalah, pendekatan kontekstual dan pendekatan kajian masa depan. Kementerian Pelajaran Malaysia (2001) melalui Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) telah menggariskan satu panduan pelaksanaan pendekatan konstruktivisme dalam pendidikan di sekolah dalam semua mata pelajaran yang diajarkan. Pandangan baharu ini menganggap murid bukan hanya menerima pengetahuan secara pasif daripada gurunya tetapi membina pengetahuannya melalui interaksi dengan persekitarannya (Piaget, 1970). Daripada aspirasi Piaget tersebut, Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM (2001), menegaskan satu pandangan baharu tentang ilmu pengetahuan dan cara manusia memperoleh ilmu pengetahuan telah mula menarik perhatian para pendidik seluruh dunia.

Aliran konstruktivisme yang berpegang pada pembinaan minda atau pengetahuan melalui proses dan pengalaman pembelajaran telah mencetuskan banyak modul pembelajaran yang berkesan seperti Fasa Pembelajaran Needham dan Modul Marzano, Marzano dan Pickering (2003).

Aliran ini agak kaya dengan teori-teori perkembangan manusia seperti Maslow dan Piaget (1970) membuktikan gabungan ideologi membuktikan pendekatan konstruktivisme memberikan kesan terhadap pencapaian murid dalam pembelajaran. Pendekatan konstruktivisme lebih menekankan pembentukan ilmu pengetahuan murid berlaku secara asimilasi melalui pengalaman dan persekitaran (Piaget, 1970). Piaget juga menegaskan konstruktivisme sebagai cara belajar yang menekankan keaktifan murid dalam membentuk pengetahuan, sedangkan guru lebih berperanan sebagai fasilitator yang membantu keaktifan tersebut dalam pembentukan pengetahuannya.

Daripada garis panduan tentang pendekatan konstruktivisme oleh pihak BPK, salah satu ciri penting pendekatan ini ialah gaya pembelajaran terarah sendiri. Pendapat Gibbons (2005), merumuskan pembelajaran terarah sendiri sebagai satu proses tanggungjawab yang berlaku dalam diri murid untuk mempelajari sesuatu ilmu pengetahuan. Aspek tanggungjawab ini diklasifikasikan sebagai satu elemen motivasi dalaman yang akan mendorong dan menggerakkan murid untuk belajar bagi meningkatkan kebolehan kognitif mereka, terutamanya semasa melalui proses pengajaran dan pembelajaran secara konstruktivisme.

Dengan pendekatan konstruktivisme, pembelajaran terarah sendiri ini berlaku kesan daripada motivasi diri murid untuk bertindak. Berdasarkan Model Orientasi Tanggungjawab Individu (MOTI) oleh teori klasik Brockett dan Hiemstra (1991), menyatakan bahawa murid mempunyai arah tujuan dalam pembelajaran. Murid mengambil pendekatan proaktif dalam proses pembelajaran. Murid perlu sedar tentang pentingnya penglibatan mereka dalam kemajuan pembelajaran mereka sendiri dan mengetahui tanggungjawab serta matlamat sebagai seorang murid. Murid tidak semestinya menerima bulat-bulat matlamat pembelajaran yang ditetapkan oleh guru. Menurut Brockett dan Hiemstra, manusia mempunyai motivasi intrinsik untuk belajar iaitu berkaitan dengan naluri sendiri, pencapaian dan perasaan ingin tahu. Pembelajaran berlangsung secara bebas, bermotivasi terarah sendiri dan murid bersedia mengambil inisiatif dalam pembelajaran.

Daripada pendekatan konstruktivisme, pembelajaran terarah sendiri dilihat berhubung rapat dengan kebolehan kognitif murid. Daripada pendekatan konstruktivisme juga, murid mengalami proses penaakulan. Tahap kekuatan penaakulan yang berlaku amat bergantung pada gaya pembelajaran terarah sendiri murid. Murid yang mempunyai gaya pembelajaran terarah sendiri yang tinggi memiliki kebolehan kognitif yang tinggi juga. Pandangan sarjana klasik pendidikan, iaitu Brockett dan Hiemstra (1991) juga dijelaskan bahawa pelajar yang lebih efektif menggunakan pendekatan lanjut, iaitu metakognitif dalam proses pembelajaran. Menurut mereka juga, pendekatan tersebut dapat menjelaskan cara seseorang belajar, membina penetapan matlamat diri, mengubah suai ciri sendiri, selain mampu membuat pengubahsuaian terhadap pelaksanaan aktiviti pembelajaran.

Daripada aspirasi teori dan pandangan tersebut, penyelidikan ini dilakukan untuk menngkaji hubungan gaya pembelajaran terarah sendiri dengan kebolehan kognitif menerusi pendekatan konstruktivisme. Tujuannya untuk meneliti kesan pencapaian dari aspek penulisan karangan. Kemahiran penulisan dianggap tinggi dan memerlukan pemikiran luas serta matang (Roselan Baki, 2003 & Mahzan Arshad, 2008). Dari sudut kebolehan kognitif, kemahiran penulisan karangan dikategorikan sebagai kebolehan kognitif lisan.

Pada tahap menengah atas, kualiti penulisan itu amat diutamakan kerana murid perlu melalui proses membina ayat yang jelas dan kreatif untuk mengutarakan idea (Roselan Baki, 2003). Di samping itu, penegasan terhadap pemilihan kosa kata, binaan jenis ayat dan gaya bahasa menarik, mampu meletakkan tahap penulisan murid ke arah cemerlang. Daripada *Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu, Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah*, kemahiran penulisan adalah berformat dan tidak berformat. Karangan berformat meliputi penulisan teks berbentuk berita, wawancara, ceramah, surat rasmi dan surat tidak rasmi, minit mesyuarat, laporan, esei, kertas kerja, perjanjian, kontrak dan iklan. Karangan tidak berformat pula seperti karangan menceritakan pengalaman, gambaran situasi dan berpandukan peribahasa.

Lazimnya, kemahiran menulis karangan merupakan satu proses penghasilan teks karangan yang melibatkan proses dan hasil. Dalam mempelajari penulisan karangan, murid akan melalui proses menghasilkan karangan yang berkesan agar matlamat penulisan sesuatu format itu akan tercapai (Roselan Baki, 2003). Murid perlu tahu bahawa aspek penulisan ini penting dan dinilai dalam beberapa peperiksaan penting seperti Penilaian Tingkatan Tiga (PT3) dan Sijil Pelajaran Malaysia

(SPM). Kegagalan murid menepati piawaian yang disenaraikan oleh pihak Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM), menyebabkan pencapaian Bahasa Melayu murid akan terjejas (Abdul Jalil Othman, 2005). Penulisan murid diambil kira aspek kejelasan, keaslian, pengaruh, kematangan dan kebijaksanaan dalam menghasilkan sesuatu bentuk karangan (Sulaiman Masri et al., 2007).

Keadaan menjadi lebih serius apabila, Faridah et al. (2001), mendedahkan tahap penulisan murid sekolah menengah adalah membimbangkan kerana terdapat masalah dalam ejaan, binaan ayat, pengimbuhan, kekurangan idea dan penghuraian yang kurang matang. Pihak LPM telah menggariskan tahap kecemerlangan murid dalam mencapai keputusan yang baik dalam karangan, namun agak mengecewakan apabila terdapat murid-murid yang masih gagal menguasai kemahiran ini (Mahzan Arshad, 2008). Dalam kajian beliau, ada menyatakan bahawa murid tidak mempunyai motivasi yang tinggi untuk penulisan karangan, lebih-lebih lagi sikap guru yang tidak bersungguh-sungguh untuk mengajar penulisan karangan dengan berkesan terutama semasa menanda karangan murid.

### **Pernyataan Masalah**

Pendekatan konstruktivisme mempunyai dua elemen penting yang menjadi penggerak iaitu pembelajaran terarah sendiri dan aspek kebolehan kognitif. Malangnya berlaku kelompangan kajian berkaitan kedua-dua elemen ini dalam penulisan karangan berasaskan pendekatan konstruktivisme. Hasil kajian tentang pendekatan konstruktivisme daripada aspek teknologi maklumat yang berhalatujukan pembelajaran terarah sendiri menunjukkan dapatan hubungan yang positif dalam membaca (Norhayati Abdullah, 2005). Daripada tinjauan keperpustakaan pula, hasil kajian tentang pendekatan konstruktivisme dalam pengajaran penulisan Bahasa Melayu khususnya di peringkat sarjana dan kedoktoran adalah amat kurang (Adenan Ayob, 2015).

Hakikatnya, pembelajaran terarah sendiri dan kebolehan kognitif ini merupakan dua elemen penting yang boleh memberikan kesan positif dalam pendekatan konstruktivisme. Begitu juga dengan kajian oleh Sarimah Abd Razak (2005) yang meninjau keberkesanan motivasi, gaya pembelajaran dan kebolehan kognitif terhadap pelajar sekolah menengah teknik. Dapatan kajian Adenan Ayob (2015), menyatakan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi inkuiri dan pembinaan minda melalui pengadaptasian proses konstruktivisme dalam pengajaran penulisan karangan fakta. Namun begitu, permasalahannya, ketiga-tiga kajian ini masih ada kelompangan dalam mengkaji aspek pembelajaran terarah sendiri dan kebolehan kognitif menerusi pendekatan konstruktivisme secara mendalam.

Dalam pendekatan konstruktivisme ini, pembelajaran terarah sendiri berhubung rapat dengan kebolehan kognitif murid terutama dalam proses membuat penaaakulan pengetahuan. Murid yang berkognitif baik mempunyai kemahiran tinggi dalam memproses maklumat dan mempertingkatkan ingatan serta pengekal maklumat. Menurut Maimunah, (2006), guru mestilah memastikan masalah yang diberikan mempunyai maklumat yang boleh membantu pelajar meneroka maklumat tambahan dari pelbagai sumber untuk menyelesaikan masalah. Ini bermaksud ciri-ciri pendekatan konstruktivisme yang berasaskan interaksi murid terhadap persekitaran dan alat bantu mengajar, membantu murid mencapai prestasi akademik yang baik (Adenan Ayob, 2015). Namun begitu, pendekatan tradisional dalam pengajaran Bahasa Melayu masih diutamakan oleh guru. Oleh itu, tahap kemampuan guru di sekolah mengaplikasikan pendekatan

konstruktivisme dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu masih diragui, lebih-lebih lagi sistem pendidikan sekarang terlalu berorientasikan peperiksaan.

Oleh itu, kajian ini perlu dilakukan bagi mengenal pasti hubungan pembelajaran terarah sendiri dengan kebolehcapaian kognitif murid dengan berasaskan pendekatan konstruktivisme. Pengajaran penulisan karangan pada peringkat sekolah menengah atas memerlukan corak baharu, teknologi baharu, pendekatan baharu, dan pemikiran guru yang segar. Dalam kajian ini, kaedah tinjauan berasaskan soal selidik yang menggunakan sampel guru seramai 30 orang. Data dianalisis secara deskriptif iaitu min dan sisihan piawai. Data inferensi pula dianalisis secara Korelasi Pearson.

### **Objektif Kajian**

Secara umumnya, objektif kajian ini adalah untuk mengkaji hubungan pembelajaran terarah sendiri dengan kebolehcapaian kognitif dengan berasaskan pendekatan konstruktivisme. Objektif khusus kajian ini adalah seperti yang berikut:

- i. Meninjau pendapat guru Bahasa Melayu tingkatan empat tentang hubungan pembelajaran terarah sendiri dengan kebolehcapaian kognitif dengan berasaskan pendekatan konstruktivisme bagi penulisan karangan fakta.

### **Soalan Kajian**

Daripada objektif khusus kajian, soalan-soalan kajian digubal. Soalan kajian yang digunakan adalah seperti yang berikut:

- i. Apakah skor min pendapat guru Bahasa Melayu tingkatan empat tentang hubungan pembelajaran terarah sendiri dengan kebolehcapaian kognitif dengan berasaskan pendekatan konstruktivisme bagi penulisan karangan fakta?
- ii. Adakah terdapat hubungan yang positif tentang pendapat guru Bahasa Melayu tingkatan empat antara hubungan pembelajaran terarah sendiri dengan kebolehcapaian kognitif berasaskan pendekatan konstruktivisme bagi penulisan karangan fakta?

### **Definisi Operasional**

Dalam definisi operasional ini, terdapat dua perbincangan. Perbincangan pertama berfokus kepada definisi untuk pembelajaran terarah sendiri, kebolehan kognitif, pendekatan konstruktivisme dan penulisan karangan murid. Perbincangan kedua berfokus pada unsur-unsur operasional untuk penjanaan data dalam soal selidik dan ujian pra serta pasca. Bagi setiap definisi, idea digarap daripada pandangan tokoh-tokoh yang berkaitan dengan empat pembolehubah dalam tajuk kajian seperti dalam paparan halaman berikutnya.

- i. *Pembelajaran terarah sendiri;*
- ii. *Kebolehan kognitif murid;*
- iii. *Pendekatan konstruktivisme;*
- iv. *Penulisan Karangan Bahasa Melayu*

### ***Pembelajaran Terarah Kendiri***

Pembelajaran terarah sendiri merujuk satu proses tanggungjawab yang berlaku dalam diri murid untuk mempelajari sesuatu ilmu pengetahuan. Menurut Gibbons (2005), menegaskan bahawa murid mempunyai inisiatif dan tanggungjawab terhadap pembelajaran mereka. Murid boleh memilih, mengurus dan mengakses aktiviti pembelajaran mereka tanpa batasan masa dan tempat. Tambahan pula guru tidak mengarahkan murid, sebaliknya mengajar murid mengarahkan diri mereka sendiri untuk belajar. Secara umumnya, konsep sendiri bermaksud penilaian seseorang ke atas dirinya sendiri atau bagaimana dia menganggap tentang dirinya sendiri sama ada secara positif atau negatif.

Bagi membina konsep sendiri seseorang murid, dia juga perlu menerima penilaian daripada orang lain. Keadaan ini amat berkaitan dengan persepsi tentang diri dan alam sekeliling. Fenomena ini akan membentuk diri dan juga perasaan tentang kebolehannya meliputi keyakinan serta konsep kendirinya. Menurut Sadiyah Baba (2002), konsep sendiri terdiri daripada persepsi, kepercayaan, perasaan, sikap serta nilai yang khusus dipegang oleh individu tentang dirinya.

Manusia diandaikan mempunyai motivasi intrinsik untuk belajar iaitu berkaitan dengan nilai sendiri, pencapaian dan perasaan ingin tahu. Konteks intrinsik berlangsung secara bebas, bermotivasi sendiri dan murid bersedia mengambil inisiatif dalam pembelajaran. Brockett dan Hiemstra (1991) dalam model *Orientasi Tanggungjawab Individu* (MOTI) meletakkan pembelajaran terarah sendiri sebagai satu tanggungjawab pembelajaran yang dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu, (i) setiap individu mempunyai darjah tanggungjawab individu untuk diri mereka sendiri sebagai murid; (ii) fokus utama pembelajaran ke atas individu tanpa melupakan konteks sosial, di mana pembelajaran berlaku; (iii) individu bertanggungjawab terhadap akibat daripada tindakannya. Kondisi ini merupakan kebolehan individu mengawal pembelajaran mereka dan menentukan potensi mereka untuk terarah sendiri. Terdapat beberapa perkara yang perlu diketahui mengenai pembelajaran terarah sendiri iaitu; (i) murid bertanggungjawab untuk mengambil pelbagai keputusan dalam proses pembelajaran mereka; (ii) terarah sendiri merupakan suatu ciri yang terdapat di dalam setiap individu dan situasi pembelajaran; (iii) terarah sendiri tidak bermakna murid belajar tersisih daripada orang lain; (iv) murid didapati lebih fleksibel kerana mereka boleh menerima perubahan situasi pembelajaran dalam proses penerimaan pengetahuan dan kemahiran; (v) belajar secara terarah sendiri melibatkan pelbagai aktiviti dan sumber iaitu melalui pembacaan, mengambil bahagian dalam kumpulan, latihan, dialog elektronik dan aktiviti penulisan reflektif; (vi) guru memainkan peranan yang efektif iaitu berdialog dengan murid, mengawasi sumber-sumber, menilai hasil kerja dan menggalakkan pemikiran kritikal dan; (vii) institusi pendidikan berusaha menyokong pembelajaran terarah sendiri melalui program pendidikan terbuka, pemilihan kursus secara individu, tawaran kursus yang berbentuk bukan tradisional dan program-program inovatif.

### ***Kebolehcapaian Kognitif***

Kebolehan kognitif secara umumnya dikonsepsikan sebagai tahap kecerdasan fikiran seseorang yang boleh dibentuk berdasarkan pembelajaran dan pengalaman. Tahap kebolehan berfikir seseorang itu bergantung pada rangsangan yang diperoleh secara luaran dan dalaman. Pendapat Sternberg (1997), menyatakan bahawa kebolehan kognitif sebagai kapasiti untuk memahami idea kompleks, belajar melalui pengalaman, menaakul, menyelesaikan masalah dan menyesuaikan diri. Menurut Sternberg juga, kebolehan kognitif adalah hasil semula jadi dan diperkembangkan oleh pendidikan dan pengalaman hidup. Perkembangan kebolehan kognitif ini bergantung pada banyak

pembolehubah seperti umur, susunan kelahiran, latar belakang budaya, status sosioekonomi, orientasi peranan gender dan sejarah pembelajaran.

### ***Konstruktivisme***

Pendekatan konstruktivisme satu fenomena baru yang dicetuskan dalam pendidikan Malaysia oleh Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Bahagian Pembangunan Kurikulum (2001). Bermula dengan teori pembelajaran behaviorisme yang dipelopori oleh BF Skinner, John B. Watson dan Edward Thorndike, telah berlaku pula era pembelajaran kognitif yang dipelopori oleh Jean Piaget. Teori ini menekankan perwakilan mental. Semua idea dan imej dalam minda individu diwakili melalui struktur mental yang dikenali sebagai skema. Skema akan menentukan bagaimana data dan maklumat yang diterima akan difahami oleh minda manusia. Jika maklumat ini secocok dengan skema yang ada, maka murid akan menyerap maklumat tersebut dalam skema ini. Sekiranya tidak secocok dengan skema yang ada, maklumat ini mungkin ditolak atau skema akan diubah suai.

### **Reka Bentuk Kajian**

Reka bentuk kajian kuantitatif digunakan dalam penyelidikan ini. Penyelidikan berbentuk deskriptif ini melibatkan kaedah tinjauan. Mokhtar Ismail (2011) menjelaskan penyelidikan deskriptif sesuai digunakan untuk menerangkan status masa ini tentang sesuatu fenomena yang berkaitan dengan konteks pembelajaran terarah sendiri, kognitif, behavioris, minat, sikap, pandangan, kesukaan, tabiat individu, fenomena status dan suasana peristiwa tertentu berlaku.

Menurut Trochim (2006), kesahan penemuan melalui kajian tinjauan adalah tinggi kerana penyelidik mampu untuk mengumpulkan maklumat yang lengkap mengenai sesuatu tingkah laku. Chua Yan Piaw (2006) dan Marguerit et al. (2006), menjelaskan kajian tinjauan adalah popular kerana penggunaannya yang menyeluruh, cara pengendalian yang digemari, cara memungut data yang cepat, maklumat secara terus daripada responden dalam masa yang singkat dan keupayaan keputusan kajian dapat digeneralisasikan kepada populasi dengan tepat dan berkesan.

Reka bentuk kajian kuantitatif ini memerlukan pengkaji untuk membuat korelasi antara lebih dua pembolehubah tidak bersandar tanpa memanipulasikan pembolehubah bersandar untuk meninjau hubungan antara pembelajaran terarah sendiri dengan kebolehan kognitif murid berasaskan pendekatan konstruktivisme dalam penulisan karangan fakta. Menurut Marguerit et al. (2006), ditegaskan bahawa kajian korelasi melibatkan penjelasan yang menentukan perkaitan antara pembolehubah yang telah wujud dalam satu fenomena. Tujuannya ke arah melaksanakan korelasi untuk membolehkan penyelidik membuat ramalan tentang satu pembolehubah. Selain itu, berdasarkan apa-apa yang diketahui tentang pembolehubah yang lain.

### ***Alat Kajian***

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan soal selidik skala Likert untuk mengumpulkan data. Soal selidik diadaptasikan daripada Gugliemino (1977) yang telah menghasilkan instrumen "*Self-directed Learning Readiness Scale*". Oleh itu, set soal selidik pengkaji digubal. Terdapat dua set soalan dan setiap set mempunyai 30 item soalan. Kandungan item soal selidik ini merangkumi aspek pembelajaran terarah sendiri, kebolehan kognitif dan pendekatan konstruktivisme, termasuk aspek penulisan karangan fakta.



### ***Sampel Kajian Guru***

Dalam melaksanakan kaedah tinjauan, 30 orang guru yang mengajarkan Bahasa Melayu peringkat SPM tingkatan empat dipilih. Pengkaji pergi ke lapan (8) buah sekolah untuk bertemu dengan sampel. Setiap sekolah ada tiga hingga empat orang guru yang dipilih. Pemilihan sampel guru ini menggunakan persampelan rawak mudah. Guru yang dipilih diberikan taklimat dan penerangan tentang objektif kajian dan prosedur menjawab item soal selidik yang diberikan.

### ***Penganalisan Data***

Dalam kajian ini, instrumen soal selidik digunakan untuk mengumpulkan data. Binaan soal selidik berskala Likert memudahkan pengkaji membuat analisis. Data diproses dan dianalisis mengikut soalan kajian. Statistik korelasi Paerson digunakan bagi menganalisis data soal selidik.

**Jadual: Proses Analisis Data Berdasarkan Soalan Kajian**

<b>Bil.</b>	<b>Soalan Kajian</b>	<b>Statistik</b>
1.	Apakah skor min gaya pembelajaran terarah sendiri dan kebolehcapaian kognitif dengan berasaskan pendekatan konstruktivisme bagi penulisan karangan?	Min dan Sisihan Piawai
2.	Adakah terdapat hubungan yang positif antara pembelajaran terarah sendiri dengan kebolehcapaian kognitif berasaskan pendekatan konstruktivisme bagi penulisan karangan?	Korelasi Pearson

Dalam jadual di atas, terdapat dua soalan kajian yang dijawab berdasarkan analisis data. Analisis data berdasarkan min, sisihan piawai dan Korelasi Pearson.

### ***Demografi Responden***

Data demografi ini menunjukkan taburan jantina bagi sampel guru yang dipilih.

**Jadual: Taburan Bangsa dan Jantina bagi Sampel Kajian Guru**

<b>Jantina / Bangsa</b>	<b>Guru</b>	
	<b>(n=30)</b>	<b>%</b>
Lelaki		
Melayu	13	43.3
Cina	-	-
India	-	-
Jumlah	13	43.3
Perempuan		
Melayu	17	56.7
Cina	-	-
India	-	-
Jumlah	17	56.7
<b>Keseluruhan</b>	<b>30</b>	<b>100.0</b>

Jadual berkaitan taburan responden menunjukkan semua subjek kajian, iaitu 30 orang guru. Jadual memaparkan bahawa 13 orang guru lelaki bersamaan 43.3% dan 17 orang guru perempuan

bersamaan 56.7%. Data menunjukkan bahawa jumlah dan peratus responden perempuan mengatasi responden lelaki.

### **Dapatan Berpandukan Soalan Kajian**

Dalam bahagian ini, data yang dikumpulkan telah dianalisis bagi menjawab setiap soalan kajian. Dapatan dikemukakan mengikut susunan soalan kajian dan disertai dengan hasil data yang dianalisis sama ada dalam bentuk peratus, min skor, sisihan piawai, dan kolerasi dipersembahkan dalam bentuk jadual. Data dalam jadual turut diinterpretasikan. Pembentangan dapatan berpandukan soalan kajian adalah seperti yang berikut:

#### ***Apakah min skor pendapat guru Bahasa Melayu tingkatan empat tentang hubungan pembelajaran terarah sendiri dengan kebolehcapaian kognitif dengan berasaskan pendekatan konstruktivisme bagi penulisan karangan fakta?***

Dalam meninjau elemen pembelajaran terarah sendiri dan kebolehan kognitif dalam pendekatan konstruktivisme, min skor dan sisihan piawai telah dikenal pasti. Dapatan ini diperoleh melalui analisis data soal selidik. Min skor bagi kedua-dua elemen ini telah ditunjukkan dalam Jadual di bawah.

**Jadual: Min Skor dan Sisihan Piawai Dimensi Pembelajaran Terarah Kendiri dan Kebolehcapaian Kognitif dengan Berasaskan Pendekatan Konstruktivisme**

Dimensi	Kumpulan Guru (n=30)	
	Min	SP
Kebolehcapaian Kognitif	4.64	0.14
Pembelajaran Terarah Kendiri	4.61	0.15

*SP ialah Sisihan Piawai*

Daripada jadual di atas, min skor kebolehcapaian kognitif ialah 4.64 (SP=0.14). Min skor pembelajaran terarah sendiri pula ialah 4.61 (SP=0.15). Data ini menunjukkan min skor dan sisihan piawai bagi kedua-dua elemen ini tidak begitu berbeza. Data dianalisis daripada soal selidik yang dilakukan terhadap 30 orang guru.

### **Perbincangan dan Implikasi**

Daripada dapatan kajian ini, dapat dirumuskan bahawa pendekatan kostruktivisme merupakan satu pendekatan yang berkesan untuk meningkatkan tahap pencapaian murid dalam karangan fakta Bahasa Melayu di sekolah. Kajian ini membuktikan bahawa pendekatan konstruktivisme bukan sahaja berkesan (Norhayati Abdullah, 2005), sebaliknya berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu, terutamanya penulisan karangan fakta.

Hasil kajian ini juga berjaya mewujudkan situasi pembelajaran yang menarik dalam kalangan murid untuk mempelajari penulisan karangan Bahasa Melayu sama seperti hasil kajian Needham (1993). Beliau mencipta teori pembelajaran sains dengan lima fasa berasaskan konstruktivisme. Hasil dapatan beliau murid tertarik untuk mencapai gred yang cemerlang.

Daripada dapatan kajian oleh Nor Azliza Che Mat (2002) dipaparkan kewujudan persekitaran pembelajaran konstruktivisme hanya pada tahap sederhana. Dalam pada itu, dapatan kajian oleh Norhayati Abdullah (2005) menunjukkan hubungan positif.

Daripada dapatan kajian oleh kedua-dua pengkaji tersebut, dapat dirumuskan bahawa hal ini berlaku kerana dua elemen penting yang utama dalam pendekatan konstruktivisme iaitu pembelajaran terarah sendiri dan kebolehan kognitif tidak dihubungkan dalam pelaksanaannya, sebaliknya pengkaji-pengkaji tersebut hanya melihat pendekatan konstruktivisme berlaku secara natural sahaja tanpa mementingkan kedua-dua elemen ini. Sedangkan dapatan kajian pengkaji membuktikan bahawa guru yang mengendalikan pendekatan konstruktivisme perlu memahami konsep dan tatacara pengendalian konstruktivisme dengan betul dan mementingkan aspek pembelajaran terarah sendiri yang menjadi asas penggerak motivasi serta hubungannya dengan kebolehan kognitif demi menggalakkan pemikiran yang luas (Norlia Abd. Aziz, T. Subahan M. Meerah, Lilia Halim & Kamisah Osman, 2006).

Dapatan kajian ini yang menggunakan instrumen soal selidik kepada guru telah membuktikan terdapat hubungan yang positif antara pembelajaran terarah sendiri dengan kebolehan kognitif berasaskan pendekatan konstruktivisme. Nor Hasnidah Abd. Hamid (2006) dalam kajiannya menunjukkan bahawa wujud tahap motivasi dan minat murid yang tinggi di dalam bilik darjah, seterusnya menolak dapatan kajian yang menyatakan persekitaran pembelajaran dalam pendekatan konstruktivisme adalah sederhana sahaja.

Hubungan positif antara pembelajaran terarah sendiri dan kebolehan kognitif berasaskan pendekatan konstruktivisme sama dengan dapatan kajian Dillon (2001) yang menegaskan bahawa terdapat hubungan positif antara faktor seperti prestasi murid, nilai diri dan kejayaan akademik. Walaupun kajian Dillon tidak menyentuh aspek pendekatan konstruktivisme tetapi hubungan positif antara konsep sendiri dengan pencapaian akademik secara tidak langsung menunjukkan berlakunya peningkatan pemikiran murid.

Walaupun dapatan kajian ini mempunyai hubungan positif antara pembelajaran terarah sendiri dengan kebolehan kognitif murid terhadap pencapaian akademik, namun terdapat juga beberapa kajian yang sedikit berbeza dapatan. Misalnya, Gagne & St. Peve (2002). melaporkan terdapat hubungan yang negatif dalam hubungan konsep sendiri dengan kebolehan membaca murid, dengan korelasi bernilai -0.14 dan korelasi bernilai -1.17 antara konsep sendiri dengan kebolehan Matematik. Mereka dalam satu kajian terhadap murid-murid satu kaum asli di California Selatan, juga tidak mendapati korelasi yang signifikan antara konsep sendiri dengan tingkah laku akademik murid-murid tersebut.

Dapatan ini merupakan kes terencil yang jarang berlaku terutama apabila pengkaji menghubungkan konsep sendiri ini dengan satu kemahiran kecil dalam sesuatu mata pelajaran sedangkan pengkaji lampau melihat hubungan pembelajaran terarah sendiri dengan pencapaian akademik secara keseluruhan (Maimunah Karim, 2006). Melalui dapatan kajian ini, jelas berfokus pada aspek kemahiran penulisan secara meluas melalui pendekatan konstruktivisme yang menghubungkan pembelajaran terarah sendiri dengan kebolehan kognitif murid. Berdasarkan model karangan yang digunakan, sudah pasti hubungan yang positif diperoleh.

## **Penutup**

Bab ini telah menyatakan dan membincangkan dapatan kajian yang diperoleh dalam Bab 4. Perbincangan lanjut tentang dapatan kajian membuktikan kedua-dua objektif kajian ini telah

berjaya dicapai untuk meninjau hubungan pembelajaran terarah sendiri dan kebolehan kognitif melalui pendekatan konstruktivisme dan mengenal pasti pencapaian murid dalam penulisan karangan fakta berdasarkan hubungan antara pembelajaran terarah sendiri dengan kebolehan kognitif berasaskan pendekatan konstruktivisme.

Berdasarkan objektif kajian ini, keempat-empat soalan kajian dan hipotesis kajian berjaya dibuktikan berdasarkan peratus, min skor, sisihan piawai dan korelasi. Rumusan dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara pembelajaran terarah sendiri dan kebolehan kognitif melalui pendekatan konstruktivisme dan kesannya terhadap penulisan karangan murid.

Pengkaji berharap semua cadangan yang diberikan dalam kajian ini mendapat perhatian pelbagai pihak termasuklah para guru Bahasa Melayu di Malaysia. Secara keseluruhannya, tidak dapat dinafikan bahawa pendekatan konstruktivisme menjadi asas penting dalam ilmu pedagogi guru yang mesti diamalkan terutama pada abad ke-21 ini. Dalam masa yang sama, elemen pembelajaran terarah sendiri dan kebolehan kognitif mesti bijak dihubungkan dalam pendekatan konstruktivisme agar pencapaian murid dalam Bahasa Melayu terutama kemahiran penulisan karangan fakta dapat ditingkatkan.

## **Rujukan**

- Abdul Jalil Othman. (2005). Aplikasi pembelajaran secara konstruktivisme dalam pengajaran karangan berpandu. Kertas kerja dalam *Jurnal Pendidikan*, Vol. 30(1). Universiti Malaya, hlm. 143-148.
- Abtar Kaur. (2001). Design and valuation of a web-based constructivist learning environment for primary school students. Tesis (Ph.D) yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Gagne, F. & St. Peve, F. (2002). When IQ is controlled, does motivation still predict achievement? *Intelligence*, 30 (1), 71-100.
- Gardner, H. (1983). *Frame of mind*. New York: Basic Books.
- Gibbons, M. (2005). *Self-directed learning*. (atas talian), <http://www.selfdirectedlearning.com>. Diakses pada 25 Mei 2017.
- Glaserfeld, E.V. (1996). *Radical constructivism: A way of knowing and learning*. London: Routledge Falmer.
- Guglielmino, L. M. (1977). *Development of the self-directed learning readiness scale*. Disertasi kedoktoran. University of Georgia. Tidak diterbitkan.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2001) *Pembelajaran konstruktivisme*. Bahagian Pusat Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2001). *Kajian kesediaan sekolah menengah melaksanakan pengajaran dan pembelajaran*. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan.
- Madinah Mohammad. (2014). Menganjak Kualiti Generasi Baharu. Teks Ucapan Ketua Setiausaha, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mahzan Arshad. (2008). *Pendidikan literasi Bahasa Melayu strategi perancangan dan pelaksanaan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Maimunah Karim. (2006). Pendekatan pembelajaran terarah sendiri dalam kalangan pelajar yang mengambil subjek Information and Communication Technology. Tesis (M.Ed) yang tidak diterbitkan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Marguerite G. L, Dean T. S, & Katherine H. V. (2006). *Methods in educational research from theory to practice*. San Francisco: JB Jossey-Bass.
- Noor Azliza Che Mat, & Lilia Halim (2002). Reka bentuk dan keberkesanan pembelajaran berbantuan multimedia pendekatan konstruktivisme KBSM. *Jurnal Teknologi*, 36 (E) Jun, 19-38,
- Norhayati Abdullah (2005). Pembelajaran akses sendiri: Satu pendekatan dalam menangani masalah membaca bagi kalangan murid tahun empat. *Prosiding Seminar Penyelidikan Tindakan. 3-4 Oktober 2005*.
- Norlia Abd. Aziz, T. Subahan M. Meerah, Lilia Halim, & Kamisah Osman. (2006). *Hubungan antara motivasi, gaya pembelajaran dengan pencapaian*. *Jurnal Pendidikan* 31: 123-141.
- Piaget, J. (1970). *Equilibration of cognitive structure*. New York: Viking Press.
- Roselan Baki. (2003). *Kaedah pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Sarimah Abd. Razak. (2005). Motivasi, Gaya Pembelajaran dan Kebolehan Kognitif Pelajar Sek. Men. Teknik. Tesis (Ph.D.) yang tidak diterbitkan. Universiti Putra Malaysia.
- Sternberg, R.J. (1997). The concept of intelligence and its role in life long learning and success. *American Psychologists*, 52, 1030-1037.
- Suhaidah Abdul Kadir. (2001). Perbandingan pembelajaran koperatif dan tradisional terhadap prestasi, atribusi pencapaian, konsep sendiri akademik dan hubungan sosial dalam pendidikan perakaunan. Tesis Ph.D yang tidak diterbitkan. Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Sulaiman Masri, Mashudi Bahari & Juliliyana Mohd Junid. (2007). *Bahasa Melayu rujukan menengah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Trochim, W. M. & Donnelly, J. P. (2006). *Research methods knowledge base*. Michigan: Cengage Learning.